

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kecekapan operasi pejabat kedutaan di luar negara daripada segi latihan diplomasi, pengurusan sumber manusia dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Johor Bahru atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Luar Negeri sememangnya sentiasa memantau prestasi operasi Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara dari semasa ke semasa menerusi konsultasi yang berterusan di antara Ketua Perwakilan dan Ibu Pejabat.

3. Antara usaha-usaha yang dijalankan untuk meningkatkan kecekapan operasi Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara adalah dengan memastikan sumber tenaga kerja di Pejabat Perwakilan Malaysia berada di tahap optimum yang bersesuaian dengan fungsi dan tugas-tugas yang dilaksanakan.

4. Untuk makluman Dewan selanjutnya, semua penjawat awam yang akan berkhidmat di Pejabat Perwakilan Malaysia perlu menghadiri dengan jayanya latihan-latihan pra-penempatan yang bersesuaian. Kementerian ini menerusi Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDHL) juga menyediakan latihan diplomasi yang intensif dan mandatori untuk melengkapkan pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri dengan pengetahuan dan pendedahan menyeluruh mengenai operasi Pejabat Perwakilan Malaysia sebelum ditugaskan ke penempatan luar negeri.

5. Selain itu, Kementerian sentiasa berhubung rapat dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membolehkan operasi di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sekian, terima kasih.